

50 rumah setinggan musnah dijilat api



ORANG ramai melihat kebakaran yang berlaku di kawasan setinggan Segambut Gate di Segambut, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR 6 Jun - Kira-kira 250 penghuni rumah setinggan di Segambut Gate di sini hilang tempat tinggal dalam kebakaran yang memusnahkan 50 buah rumah di perkampungan tersebut hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12.30 tengah hari itu, kesemua rumah setinggan berkenaan hangus, namun tiada kematian atau kecederaan yang dilaporkan berlaku.

Penolong Kanan Penguasa Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, M. Letchumanan berkata, 20 buah rumah tersebut didiami oleh warga tempatan sementara selebihnya dihuni oleh warga asing.

Katanya, sembilan jentera daripada sembilan Balai Bomba dan Penyelamat berdekatan dikejarkan ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada pukul 12.37 tengah hari.

"Seramai 75 anggota dikerahkan ke tempat kejadian untuk mengawal kebakaran bagi mengelak ia merebak ke kawasan berhampiran sebelum api berjaya dikawal sepenuhnya pada 2.56 petang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurut beliau, pihaknya mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan air kerana ketiadaan

pompa bomba di situ dan terpaksa menggunakan bekalan air dari sungai berhampiran.

Walaupun tidak ada sumber air dari sebuah kolam di situ, katanya, namun paras air terdapat rendah.

Punca kebakaran serta jumlah kerugian masih belum disiasat, ujarnya.

Seorang mangsa, Suhardi Sali, 58, yang menetap di situ sejak 16 tahun lalu berkata, dia tidak menyedari rumahnya terbakar kerana sedang leka bermain dengan cucunya.

"Sedar-sedar api sudah marak di bahagian depan rumah saya. Saya bersyukur dapat menyelamatkan diri bersama tujuh ahli keluarga yang lain. Saya hanya sempat menyelamatkan sebuah beg pakaian dan sebuah televisyen," katanya.

Seorang lagi mangsa, yang hanya mahu dikenali sebagai Anbrasu, 36, berkata, dia sedang makan tengah hari bersama ahli keluarganya apabila menyedari api sedang marak di bahagian depan rumahnya.

"Saya menganggarkan kerugian saya bernilai RM10,000 termasuk barangan elektrik, pakaian dan perabot," katanya yang mula menetap di situ sejak 20 tahun lalu.